

30 OCT 2003

PERSEKUTUAN KRISTIAN RAKAM PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Persekutuan Kristian Malaysia hari ini mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berikutan perhatian peribadinya dalam perkara berkaitan penganut Kristian.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan menjelang persaraan Perdana Menteri, Pengerusi persekutuan itu Datuk Dr Prince Gunaretnam dan Setiausaha Kehormat Dr Hermen Shastri berkata dalam mengejar kemajuan, Dr Mahathir tidak mengetepikan nilai-nilai rohaniah dan moral.

"Beliau sentiasa sensitif terhadap aspirasi masyarakat pelbagai agama dan seringkali berusaha ke arah hormat menghormati, saling memahami dan hidup bersama secara aman di kalangan rakyat," katanya.

Mereka juga merakamkan penghargaan kepada Dr Mahathir yang berjaya mengubah Malaysia "kepada sebuah negara yang menikmati kemakmuran ekonomi yang dibina di atas prinsip penyertaan dan sumbangan semua rakyat Malaysia ke arah kemakmuran sosial."

Persekutuan Kristian Malaysia juga mendoakan kesejahteraan Dr Mahathir selepas persaraannya.

-- BERNAMA
SMO AHH ROS